



Fail: (14) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.37

Tarikh: 17 Oktober 2011

SIARAN MEDIA

TAMAN TUN DR. ISMAIL (TTDI) PERINTIS PROGRAM BANDAR SELAMAT

KUALA LUMPUR, 17 OKTOBER 2011- Y.B. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengadakan lawatan turun padang ke kawasan-kawasan di TTDI yang terlibat dalam Program Bandar Selamat pada pagi ini.

2. Pelaksanaan *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) dan Pelan Tindakan Program Bandar Selamat TTDI yang telah dipersetujui secara bersama oleh empat (4) *stakeholders* iaitu Persatuan Penduduk TTDI, Pemaju Naza TTDI Sdn. Bhd., Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Polis DiRaja Malaysia.

3. Pelan Tindakan Program Bandar Selamat TTDI ini merangkumi :

- Membaiki pagar perimeter di sempadan TTDI dan Sungai Penchala
- Mencantas pokok-pokok yang menutupi pencahayaan di semua kawasan TTDI;
- Pemasangan rel penghadang dan tonggak jalan di Jalan Datuk Sulaiman, Tun Mohd. Fuad, dan Burhanuddin Helmi;
- Menjalankan kajian lalu lintas di kawasan Jalan Burhanuddin Helmi untuk mengurangkan akses keluar masuk;
- Menaiktaraf lampu jalan kepada 150 watt - 250 watt secara berperingkat;
- Membina redaan trafik (*speed breaker*) untuk mengurangkan kelajuan trafik di kawasan perumahan;
- Pemasangan tujuh (7) buah CCTV;

- Pemutihan skim *guarded neighbourhood* sedia ada di TTDI yang tertakluk kepada 80% persetujuan penduduk;
- Pemasangan tujuh (7) cermin keselamatan di kawasan komersil;
- Pemasangan tiga (3) papan tanda talian kecemasan PDRM
- Perluasan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (Sistem Pemetaan GIS Jenayah) ke Balai Polis TTDI.

4. Konsep CPTED telah dipersetujui oleh YAB Perdana Menteri dan kabinet pada 8 Jun 2011 untuk diterapkan di TTDI. CPTED adalah satu tindakan *common sense* dan senang diamalkan. Setiap individu seperti pemaju, akitek, akitek landskap, jururancang bandar, jurutera, pelukis pelan dan sebagainya menyedari dan mengamalkan CPTED dalam semua rekabentuk bangunan dan pelan susunatur pembangunan.

5. CPTED menggunakan 4 prinsip dan 3 strategi mudah untuk menghasilkan persekitaran fizikal yang selamat supaya dapat mempengaruhi perlakuan manusia dari melakukan jenayah dan mengurangkan perasaan takut berlakunya jenayah di samping meningkatkan kualiti persekitaran dan kehidupan.

6. 4 prinsip CPTED adalah:

- Pengawasan semula jadi (*natural surveillance*) seperti kedudukan tingkap dan pintu yang membolehkan penglihatan yang jelas dan tidak terlindung. Ini akan mewujudkan risiko kepada penjenayah untuk melakukan kesalahan.
- Pengawalan akses semula jadi (*natural access control*) dengan pintu, pintu gerbang, pagar, landskap kejur dan lembut, kad keselamatan atau elemen fizikal lain.
- Kejelasan sempadan (*territorial reinforcement*) dapat menunjukkan pemilikan sesuatu kawasan dan dapat mengesankan penjenayah dengan cepat
- Pengurusan dan penyelenggaraan (*management and maintenance*) secara berkala untuk mengelakkan tapak atau bangunan terbiar dan kosong yang akan mengundang aktiviti jenayah seperti sarang dadah dan penjenayah.

7. Empat (4) prinsip CPTED boleh dilaksanakan melalui 3 strategi :

- Pengawasan semula jadi (*natural surveillance*);
- Mekanikal (*mechanical surveillance*) melalui alat-alat elektronik dan mekanikal seperti pencahayaan, CCTV, cermin keselamatan dan penggera keselamatan; dan
- Pengawasan terancang (*organized surveillance*) melalui rondaan polis, pengawal keselamatan, Rukun Tetangga, SKim Rondaan Sukarela atau persatuan penduduk.

8. Bagi menjayakan Program Bandar Selamat di TTDI ini, Kementerian Dalam Negeri telah memperuntukan sebanyak RM1.45juta yang disalurkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Projek ini perlu disiapkan sepenuhnya pada bulan Disember 2011. Sementara Naza TTDI menaja tujuh (7) buah cermin keselamatan dan tiga (3) papan tanda talian kecemasan PDRM sebagai tanda tanggungjawab korporat yang berterusan di TTDI.

9. Malaysia telah diiktirafkan oleh *Global Peace Index* baru-baru ini sebagai negara yang paling selamat di Asia Tenggara dan kedudukan keempat (4th) selamat di Asia Pasifik selepas New Zealand, Japan dan Australia. Malaysia juga melonjak ke tempat kesembilan belas (19th) selamat daripada 153 buah negara berbanding dengan tahun lepas di tangga ke-22 (22nd) dari segi keselamatan.

10. Indeks jenayah jalanan di kawasan-kawasan yang telah melaksanakan langkah-langkah Program Bandar Selamat (*impact area*) telah berkurangan sebanyak 52% pada bulan Mei sehingga Ogos 2011 berbanding dengan Mei hingga Ogos 2010.

11. Indeks jenayah di TTDI diharap dapat dikurangkan sebanyak 50% melalui pendekatan ini. Sekiranya berjaya, TTDI akan menjadi contoh Bandar Selamat, model ini akan diperluaskan ke kawasan-kawasan hotspot yang lain.

12. Turut hadir di majlis ini ialah Tan Sri Ahmad Fuad bin Ismail, Datuk Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur; YBhg. Dato Ahmad bin Haji Kabit, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Dato Mohd. Fadzil bin Hj. Mohd Khir, Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia; Dato Mohamad Bin Salleh, Ketua Polis Negeri Kuala Lumpur; En. Mohd. Hatim Abdullah, Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Tun Dr.

Ismail dan En. Sheikh Mohd Faliq Bin Sheikh Mohamad Nasimuddin Kamal Group
Managing Director Naza TTDI Sdn. Bhd.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my